

02 MAY 2002

Najib-Disiplin/I

K'JAAN PASTIKAN KUMPULAN MILITAN TIDAK MENYUSUP MASUK KE DALAM TENTERA

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 2 Mei (Bernama) -- Kerajaan Malaysia sedang "mengawasi dengan rapi" disiplin dalam angkatan tentera bagi menghalang penyusupan masuk kumpulan militan ke dalam tentera, kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak di sini pada Rabu.

"Kerajaan tidak mahu penyusupan oleh kumpulan militan (dalam tentera) yang boleh mempengaruhi anggota tentera," kata beliau.

Beliau menjawab soalan mengenai pembabitian anggota tentera dan bekas anggota tentera dalam kumpulan militan Al-Maunah yang mencuri senjata api dari kem tentera di Perak kira-kira dua tahun lalu.

Najib berkata 100 peratus daripada senjata itu telah ditemui semula dan 29 anggota kumpulan itu sama ada dijatuhi hukuman mati atau dikenakan hukuman penjara seumur hidup dan hukuman penjara untuk tempoh yang lama.

Najib menjawab soalan selepas menyampaikan ucapan mengenai "United States-Malaysia Defence Cooperation" (Kerjasama Pertahanan Amerika Syarikat-Malaysia) anjuran bersama Heritage Foundation dan the Centre for Strategic and International Studies.

Najib yang tiba di sini malam Isnin, akan menemui rakan sejawatannya dari Amerika Syarikat Donald Rumsfeld dan Penasihat Keselamatan Negara Condoleeza Rice, pada Khamis sebelum berlepas ke London pada Jumaat.

Kedua-dua mereka dijangka membincangkan isu keganasan, masalah Asia Barat dan hubungan pertahanan dan keselamatan secara dua hala.

Najib tiba di sini dua minggu sebelum Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke Washington untuk menemui Presiden George Bush.

Ketika berucap, Najib menarik perhatian tentang "rahsia tersimpan" yang mengukuhkan hubungan pertahanan antara kedua-dua negara termasuk latihan dan lawatan membabitkan 75 kapal tentera laut Amerika Syarikat sejak lebih dua tahun lalu.

Sejak insiden serangan 11 Sept lepas ke atas Amerika Syarikat, Malaysia telah meningkatkan tahap kerjasama dengan Washington dalam pelbagai bidang termasuk kelulusan Malaysia untuk menambah penerbangan melalui ruang udaranya.

Amerika Syarikat purata membuat lebih 1,000 penerbangan melalui ruang udara setahun. Amerika Syarikat mempunyai akses bagi perisikan Malaysia sementara Malaysia pula sedang berusaha untuk mengenal pasti aset pengganas.

Najib berkata disebabkan kedudukan strategik Malaysia di sepanjang Selat Melaka, pasukan tenteranya telah melindungi kapal-kapal Amerika yang melalui selat itu sejak 11 Sept.

Pendekatan Malaysia untuk memerangi pengganas dan kumpulan militan adalah wajar untuk disebut, kata beliau.

"Selain mencari penyelesaian tentera/keselamatan, kami percaya bahawa kami harus memenangi hati dan fikiran rakyat dengan menjamin taraf hidup yang tinggi, membasmi kemiskinan, menyediakan pendidikan dan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti serta mewujudkan peluang pekerjaan," kata beliau.

-- BERNAMA

SH WNZ RYN FAZ